

MAHATHIR - KUASA

PULAU PINANG, 20 MEI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MENGINGATKAN RAKYAT BAHAWA JIKA PEMBANGKANG BERKUASA, MEREKA AKAN MENYALAHGUNAKAN KUASA DAN MENENTANG SEMUA PIHAK YANG TIDAK SEPENDAPAT DENGAN MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, PADA MASA INIPUN MEREKA TELAH MENYALAHGUNAKAN KUASA YANG ADA SEDIKIT PADA MEREKA, DENGAN MENYINGKIRKAN PIHAK-PIHAK YANG BERTENTANGAN DENGAN MEREKA.

+MEREKA BELUM LAGI BERKUASA TETAPI MEREKA SUDAH BERTINDAK ZALIM KEPADA BANGSA (MEREKA) SEPERTI MEMBUANG PENGHULU DAN IMAM MASJID DI SESETEANGAH TEMPAT,+ KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS MENEMUI BADAN PERHUBUNGAN UMNO PULAU PINANG, DI SINI HARI INI.

+JIKA MEREKA BERKUASA, MEREKA AKAN MENGAMBIL TINDAKAN YANG ZALIM. OLEH ITU, MEREKA BAKAL MENJADI KERAJAAN YANG ZALIM JIKA MEREKA BERPELUANG,+ TAMBAH BELIAU.

+MEREKA JUGA INGIN MENGAMBIL TINDAKAN TERHADAP SAYA, YANG MEREKA ANGGAP SAMA SEPERTI MARCOS, BEKAS SEORANG PRESIDEN FILIPINA, JIKA MEREKA BERKUASA,+ KATANYA. -- LAGI
1843MST 20 05 90

D999

U B145 AAB
MAHATHIR - KUASA 2 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENAFIKAN DAKWAAN ALIRAN KONONNYA PERHUBUNGAN BELIAU DENGAN YANG DI-PERTUAN AGONG SULTAN AZLAN SHAH ADALAH TEGANG.

+IA TIDAK BENAR, INI PERMAINAN POLITIK. MEREKA GUNA SEGALA CARA YANG BOLEH BAGI KEPENTINGAN POLITIK MEREKA,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR.

PERDANA MENTERI JUGA MELAHIRKAN RASA KESAL DAN SEDIHNYA TERHADAP UCAPAN BEKAS PERDANA MENTERI TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ YANG MENYATAKAN NEGARA INI DIPERINTAH OLEH DAJAL.

+SAYA INGIN MENGHORMATI TUNKU TETAPI KINI AMAT SUKAR UNTUK MENGHORMATI SESEORANG YANG DIANGGAP BERJASA PADA BANGSA NEGARA+.

+BAGAIMANAPUN KITA TAHU MANUSIA BERUBAH-UBAH KADANG-KADANG, TETAPI SEMASA BELIAU BERBUAT SESUATU YANG BAIK KITA PERLU SANJUNG,+ TAMBAH BELIAU.

-- LAGI
1847MST 20 05 90

D000

U B146 AAB
MAHATHIR - KUASA 3 PULAU PINANG

KETIKA DITANYA MENGENAI SPEKULASI KONONNYA DEWAN UNDANGAN NEGERI SABAH AKAN DIBUBARKAN DALAM TEMPOH 10 HARI LAGI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, KERAJAAN PUSAT TIDAK BOLEH MEMBUAT KEPUTUSAN MENGENAI PERKARA ITU.

+JIKA KERAJAAN NEGERI ITU TELAH MEMBUAT KEPUTUSAN, KITA TIDAK BOLEH MENGHALANGINYA KERANA IA DI BAWAH BIDANG KUASA KERAJAAN NEGERI,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERADA DI NEGERI INI SEJAK SEMALAM DAN AKAN BERLEPAS PULANG ESOK.

BELIAU YANG MENGHADIRI PERBARISAN ARMADA DIRAJA ANTARABANGSA YANG DIADAKAN DI NEGERI INI, DIIRINGI OLEH DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI.

YANG TURUT HADIR PADA PERJUMPAAN ITU IALAH KETUA PERHUBUNGAN UMNO PULAU PINANG ENCIK ANWAR IBRAHIM. -- BERNAMA

0021

U B162 BAH
MAHATHIR - KUASA 4 PULAU PINANG (SAMBUNGAN BERITA AWAL)

MENGENAI PERSIAPAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO UNTUK MENGHADAPI PILIHAN RAYA, PRESIDEN UMNO ITU BERKATA, KEBANYAKAN DARIPADA BAHAGIAN UMNO SUDAH BERSIAP SEDIA KECUALI SEBILANGAN KECIL BAHAGIAN YANG BELUM BERSEDIA KERANA MENGHADAPI MASALAH TITIK-BENGIK YANG BUKAN MENJADI DASAR PERJUANGAN PARTI.

KETIKA DITANYA MENGENAI JAWAPAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DI SELURUH NEGARA YANG DIKEHENDAKI MENJAWAB KIRA-KIRA 100 SOALAN BERHUBUNG PERSIAPAN MEREKA MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +UMNO AKAN BERUSAHA MENGATASI MASALAH ITU YANG KEBANYAKANNYA MENGENAI PERKARA-PERKARA YANG TIDAK MENJEJASKAN PARTI.

BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO DIMINTA MENGEMUKAKAN JAWAPAN SELEWAT-LEWATNYA PADA SELASA LEPAS (15 MEI).

KETIKA DITANYA APAKAH ADA TEMPOH TERTENTU UNTUK MENGATASI MASALAH ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, TIDAK ADA TEMPOH TERTENTU TETAPI PARTI ITU AKAN BERUSAHA MENYELESAIKANNYA SECEPAT MUNGKIN. -- LAGI.

1930MST 20 05 90

D026

U B163 BAH
MAHATHIR - KUASA 5 PULAU PINANG

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA YAKIN UMNO AKAN BERJAYA DI NEGERI INI DENGAN KERJASAMA BAIK PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL TERUTAMA GERAKAN, MCA DAN MIC.

KATANYA, BELIAU TELAH MEMBINCANGKAN MASALAH UMNO NEGERI PADA PERTEMUAN HARI INI TERMASUK ISU-ISU YANG DITIMBULKAN OLEH SEMANGAT 46 DAN PAS.

MENGENAI CUBAAN MENARIK BALIK STATUS SISTEM KEUTAMAAN AM (GSP) YANG DINIKMATI OLEH NEGARA, DATUK SERI DR MAHATHIR MEMBIDAS SIKAP SESETENGAH PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA DI NEGARA INI YANG TERBABIT DALAM USAHA ITU.

+PEMIMPIN KESATUAN SEKERJA ITU YANG JUGA ANGGOTA POLITIK BERBUAT DEMIKIAN KERANA INGIN MEMENUHI CITA-CITA POLITIK MEREKA TANPA MENGHIRAUKAN NASIB PEKERJA,+ KATANYA.

BELIAU BERKATA, PIHAK BERKENAAN DI AMERIKA SYARIKAT JUGA TERBABIT KERANA MAHUKAN SEKTOR PERINDUSTRIAN DI NEGARA INI TERJEJAS DAN DENGAN ITU, AKAN DAPAT MENGEMBALIKAN PELUANG PEKERJAAN KEPADA RAKYAT AMERIKA. -- LAGI.

1938MST 20 05 90

D034

U B167 BAH
MAHATHIR - KUASA 6 PULAU PINANG

BELIAU BERKATA, KERAJAAN MAHU STATUS GSP DIKEKALKAN AGAR PELABURAN DI NEGARA INI TERUS MENINGKAT DAN MENDATANGKAN LEBIH BANYAK PELUANG PEKERJAAN.

MENURUT LAPORAN SEBUAH AKHBAR BERBAHASA INGERIS SEMALAM, TABUNG ANTARABANGSA HAK-HAK PENDIDIKAN DAN PENYELIDIKAN BURUH DI WASHINGTON AKAN MENGEMUKAKAN PETISYEN MENDESAK BARANGAN ELEKTRONIK KELUARAN MALAYSIA DIKECUALIKAN DARIPADA FAEDAH STATUS GSP.

SEBELUM INI, PADA JUN 1988, SATU USAHA TELAH DIJALANKAN UNTUK MENARIK BALIK STATUS GSP YANG DIBERIKAN KEPADA MALAYSIA OLEH PERSEKUTUAN BURUH DAN KONGRES PERTUBUHAN INDUSTRI AMERIKA (AFLCIO). -- BERNAMA.

1952MST 20 05 90